

## **PENILAIAN PSIKOMETRIK INSTRUMEN KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI RYFF (PWBS) DALAM KALANGAN BELIA MALAYSIA.**

Nur Syuhadah Binti Romzi<sup>1</sup> & \*Lailawati Bte Madlan@Endalan<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

\*Corresponding email: laila@ums.edu.my

Received date: 14 January 2024; Accepted date: 5 October 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v12i2.4836>

**Abstrak:** Instrumen *Ryff's Psychological Well-being Scale* (PWBS) yang direkabentuk oleh Ryff (1989) adalah antara instrumen yang sering digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah dan penuntut di pengajian tinggi. Namun yang demikian, penilaian psikometrik instrumen kajian ini hanya menjadi perhatian segelintir negara Asia sahaja. Instrumen *Ryff's Psychological Well-being* versi pendek mengandungi 18 item soal selidik yang menjurus kepada soalan berkaitan kesejahteraan psikologi individu iaitu tujuan hidup, perkembangan sendiri, autonomi, penguasaan persekitaran, penerimaan sendiri dan hubungan dengan orang lain. Untuk itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kesejahteraan psikologi Ryff (PWBS) dalam kalangan 100 orang belia yang berumur 18-25 tahun. Pengkaji menggunakan analisis Cronbach's Alpha bagi mengukur kebolehpercayaan, sementara bagi menguji kesahan konstruk, ujian kesahan interkorelasi dilakukan antara subskala dalam soal selidik ini iaitu subskala autonomi, penguasaan persekitaran, tujuan hidup, perkembangan sendiri, penerimaan sendiri dan perhubungan dengan orang lain. Hasil analisis menunjukkan kebolehpercayaan tinggi bagi keseluruhan skala iaitu dengan nilai Cronbach's Alpha 0.70. Ujian interkorelasi antara subskala item dalam soal selidik ini pula menunjukkan subskala hubungan dan subskala tujuan hidup dilihat mempunyai interkorelasi yang lemah dengan subskala lain. Nilai korelasi subskala hubungan dengan subskala autonomi adalah 0.15, manakala subskala hubungan dengan subskala penguasaan adalah 0.86. Seterusnya, bagi nilai interkorelasi subskala tujuan hidup dengan subskala penguasaan adalah 0.51, serta subskala tujuan dengan subskala penerimaan sendiri adalah 0.28. Justeru itu, penilaian psikometrik instrumen PWBS dilihat penting agar dapat dijadikan rujukan dalam kajian kesejahteraan psikologi belia dalam konteks Malaysia pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Psikometrik, Ujian dan Pengukuran, Kesejahteraan Psikologi, Belia.

**Abstract:** The *Ryff's Psychological Well-being Scale* (PWBS), designed by Ryff (1989), is one of the instruments frequently used to measure psychological well-being, particularly among school students and higher education students. However, the psychometric evaluation of this instrument has only received attention in a few Asian countries. The short version of the *Ryff's Psychological Well-being* instrument contains 18 questionnaire items that focus on questions related to individual psychological well-being, including life purpose, personal growth, autonomy, environmental mastery, self-acceptance, and relationships with others. Therefore, this study aims to identify the reliability and validity of the *Ryff Psychological Well-being Scale* (PWBS) among 100 young adults aged 18-25 years. The researchers used Cronbach's Alpha analysis to measure reliability, while construct validity was tested using intercorrelation validity tests among the subscales in this questionnaire, namely autonomy, environmental mastery, life purpose, personal growth, self-acceptance, and relationships with others. The analysis results showed high reliability for the overall scale, with a Cronbach's Alpha value of 0.70. The intercorrelation test between the subscales of the questionnaire showed that the relationship subscale and the life purpose subscale had weak intercorrelations with other subscales. The correlation value between the relationship subscale and the autonomy subscale was 0.15, while the relationship subscale with the environmental mastery subscale was 0.86. Furthermore, the intercorrelation value of the life purpose subscale with the environmental mastery subscale was 0.51, and the life purpose subscale with the self-acceptance subscale was 0.28. Therefore, the psychometric evaluation of the PWBS instrument is seen as important for future reference in studies of youth psychological well-being in the Malaysian context.

**Keywords:** Psychometric, Test and Measurement, Psychological Well Being, Youth.

## PENGENALAN

Konsep kesejahteraan psikologi adalah konsep yang sering menjadi fokus kajian akademik terutama dalam bidang psikologi. Instrumen *Ryff Psychological Well-being Scale* (PWBS) yang direkabentuk oleh Ryff (1989) adalah antara instrumen yang sering digunakan untuk mengukur kesejahteraan psikologi khususnya dalam kalangan pelajar sekolah dan penuntut pengajian tinggi. Penggunaan instrumen kesejahteraan psikologi Ryff ini sering menjadi pilihan pengkaji kerana teori kesejahteraan psikologi daripada Ryff mempunyai konsep yang mudah difahami bahkan mudah diadaptasi dalam menerangkan tentang kesejahteraan psikologi individu.

Kesejahteraan psikologi yang ditekankan oleh Ryff (1989) merujuk kepada keupayaan individu untuk menjalin perhubungan positif dengan masyarakat di sekelilingnya, mempunyai makna dan objektif hidup, mampu menangani konflik, mempunyai daya tahan serta mampu mengembangkan cita-cita dan potensi diri. Dalam bidang psikologi kebanyakan penyelidik bersetuju bahawa kesejahteraan psikologi ini dikaitkan dengan keupayaan untuk mempunyai fungsi psikologi yang baik serta mampu menjalani kehidupan dengan sempurna sebagai manusia (McLellan, Galton, Steward & Page, 2012).

Berdasarkan beberapa hasil kajian lepas, sememangnya kesejahteraan psikologi memainkan peranan penting dalam kehidupan belia khususnya belia berpendapatan rendah. Pelbagai pembolehubah kajian dilihat telah dilakukan menggunakan konsep kesejahteraan psikologi Ryff ini. Misalnya kajian berhubung strategi daya tindak (Sanu & Rathakrishnan, 2018), kecerdasan emosi (Sanu & Rathakrishnan, 2019) dan lokus kawalan harapan (Tee et al., 2022). Bahkan kajian berhubung kesejahteraan psikologi dengan kesihatan mental belia juga sering dilakukan menggunakan konsep ini seperti kebimbangan (Irfan et al., 2021), tekanan psikologi (Zailani, Sultan Ibrahim & Wahab, 2022) dan stigma sendiri (Ibrahim et al., 2020).

Namun yang demikian, penilaian psikometrik instrumen kesejahteraan psikologi Ryff ini hanya dilakukan oleh beberapa pengkaji dalam konteks negara Asia seperti Hongkong, Iran dan China (Lee, Sun & Chiang, 2019). Oleh yang demikian, limitasi dalam pengetahuan psikometrik alatan ujian ini menunjukkan penerokaan terhadap penilaian psikometrik instrumen ini perlu dilakukan khususnya dalam konteks belia di Malaysia.

Memandangkan konsep kesejahteraan psikologi Ryff sering menjadi pilihan pengkaji dalam memahami kesejahteraan psikologi belia, terdapat keperluan untuk mempunyai satu instrumen kesejahteraan psikologi dengan kebolehpercayaan dan kesahan yang baik dalam mengukur kesejahteraan psikologi mereka. Hal ini demikian kerana hanya instrumen yang mempunyai ciri psikometrik yang baik sahaja sesuai digunakan dalam kajian dengan mengambil kira tahap umur dan konteks budaya di Malaysia (Marina & Jamil, 2013). Penilaian psikometrik instrumen kesejahteraan psikologi Ryff ini sering dilakukan di negara-negara Barat berbanding negara Asia. Pada awalnya Ryff (1989) membina soal selidik *Psychological well-being scale* (PWBS) dan menguji instrumen ini ke atas 321 orang responden. Dapatan kajian ini menunjukkan ketekalan dalaman yang tinggi dengan nilai 0.86-0.93 manakala kebolehpercayaan dengan nilai korelasi 0.32-.0.76 (Shariff & Wan Sulaiman, 2018).

Kafka dan Kozma (2002) melakukan analisis faktor yang mana hasilnya menunjukkan 15 faktor terbentuk daripada skala ini daripada 6 skala asal yang diperkenalkan oleh Ryff (1989). Kajian ini menggunakan sampel 277 orang pelajar yang berada di Kanada. Penilaian psikometrik ini juga pernah dilakukan di Sepanyol yang melibatkan seramai 592 responden warganegara Sepanyol serta 327 responden warganegara Columbia. Kajian ini menggunakan skala kesejahteraan psikologi Ryff yang terdiri daripada 39 item (Van Dierendonck et al., 2007). Hasil kajian ini mendapati semua subskala mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.71 (autonomi), 0.79 (penerimaan sendiri), 0.78 (hubungan), 0.68 (penguasaan persekitaran), 0.82 (tujuan hidup) dan 0.71 (perkembangan sendiri).

Namun begitu, kajian yang dilakukan oleh Fernandes, Rafoso dan Taixera (2010) yang turut dilakukan di Sepanyol menunjukkan kebolehpercayaan yang rendah bagi setiap subskala kesejahteraan psikologi dalam kajiannya yang melibatkan remaja sekolah menengah. Menurut pengkaji ini, kebolehpercayaan

yang rendah ini berlaku disebabkan oleh bilangan item yang rendah sepertimana yang pernah dikaji oleh pengkaji lepas (Keyes, Shmotkin & Ryff 2002; Van Dierendonck et al., 2007). Namun begitu, jika dinilai secara keseluruhan soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan berada pada tahap sederhana iaitu 0.62. Malah kesahan konstruk dalam kajian ini juga adalah rendah kerana setiap subskala tidak mempunyai interkorelasi yang tinggi dan signifikan. Kajian yang dilakukan ini menggunakan instrumen kesejahteraan psikologi versi pendek iaitu 18 item.

Seterusnya, dalam konteks negara Asia, penilaian psikometrik alatan kajian ini dikatakan tidak konsisten dalam kesahan konstruk instrumen PWBS yang terdiri daripada enam konstruk utama iaitu autonomi, penguasaan persekitaran, perkembangan sendiri, tujuan hidup, hubungan dengan orang lain dan penerimaan sendiri (Cheng & Chan, 2005 ; Li, 2014). Antara kajian yang pernah dilakukan ialah kajian Amalia (2016) yang mengkaji instrumen ini dalam kalangan 124 responden berusia 55 hingga 81 tahun daripada Kota Malang Indonesia. Hasil kajian ini mendapati kebolehpercayaan keseluruhan item adalah tinggi dengan nilai alpha 0.845. Analisis faktor keenam-enam faktor pula adalah dalam lingkungan 0.306-0.731.

Selain itu, kajian di China pula menunjukkan semua subskala kesejahteraan psikologi dalam kajian psikometrik yang dilakukan dalam kalangan remaja mempunyai nilai Cronbach alpha melebihi 0.70 kecuali bagi subskala autonomi iaitu 0.60. Pengkaji dalam kajian ini berpendapat remaja melalui fasa transisi dan mereka melalui konflik keinginan yang tinggi untuk mempunyai autonomi dalam hidup (Gao & Mclellan, 2018). Dalam satu kajian yang dilakukan di Iran dalam kalangan 976 pelajar menunjukkan kebolehpercayaan alatan kajian yang tinggi iaitu dengan nilai Cronbach alpha 0.71 (Khanjani et al., 2014). Dapatan ini mempunyai konsistensi yang baik dalam menjawab soal selidik ini kerana konsep kesejahteraan psikologi yang dibentuk oleh Ryff mudah difahami dan bersesuaian untuk diaplikasikan pada peringkat umur mereka.

Seterusnya, terdapat kesahan konstruk yang tinggi antara tujuan hidup dengan perkembangan sendiri dan penerimaan sendiri dalam kajian yang dilaksanakan di China (Chan, Chan & Sun, 2019). Namun bagi konstruk hubungan dengan orang lain interkorelasi dengan subskala lain dilihat adalah rendah. Cheng dan Chan (2005) berpendapat struktur faktor dalam instrumen ini sangat bergantung kepada ciri-ciri sampel seperti jantina, umur dan latarbelakang budaya. Dalam kajian Lee, Sun & Chiang (2019) pula penguasaan persekitaran mempunyai interkorelasi yang tinggi dengan penerimaan sendiri tetapi tidak dengan hubungan dengan orang lain. Kajian ini dilakukan dalam kalangan jururawat pelatih yang berada di salah sebuah hospital kerajaan di Taiwan. Nilai cronbach alpha bagi subskala item dalam kajian ini adalah 0.72-0.88 kecuali bagi autonomi iaitu 0.57.

Akhir sekali dalam kajian yang dilaksanakan di Malaysia pula didapati bahawa faktor autonomi, penguasaan dan penerimaan sendiri mempunyai nilai alfa yang tinggi dalam ujian kebolehpercayaan dan analisis interkorelasi item yang baik (Shariff & Wan Sulaiman, 2018). Namun yang demikian, subskala hubungan dengan orang lain juga tidak menunjukkan hasil analisis faktor yang memuaskan dalam kajian ini. Menurut pengkaji kesejahteraan psikologi dalam konteks Malaysia sangat dipengaruhi oleh faktor diri individu berbanding faktor luaran.

Berdasarkan dapatan bagi ujian psikometrik yang dibincangkan diatas terdapat beberapa faktor yang dilihat mempengaruhi konsep kesejahteraan psikologi individu sehingga boleh mempengaruhi hasil analisis kebolehpercayaan dan kesahannya. Antaranya ialah perbezaan budaya masyarakat kolektif dan individualistik (Cheng & Chan, 2005) dan pengalaman dan interpretasi individu terhadap konsep kesejahteraan psikologi (Cheng & Chan, 2005; Shariff & Wan Sulaiman, 2018). Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kesejahteraan psikologi Ryff (PWBS) dalam kalangan belia Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian adalah keratan rentas dengan menggunakan analisis data secara kuantitatif. Penggunaan kaedah ini dilihat bersesuaian kerana menurut Creswell (2005) kajian yang dijalankan secara keratan rentas sesuai menguji sikap, kepercayaan, pendapat dan tingkah laku individu sepertimana kajian rintis yang dilakukan ini berfokus kepada penilaian terhadap tingkah laku dan pendapat golongan belia. Di samping itu, kaedah kuantitatif juga dilihat bersesuaian untuk menjawab persoalan dan objektif dalam kajian ini. Seterusnya, pengumpulan data yang dilakukan adalah menggunakan soal selidik yang mana data daripada soal selidik ini kemudian dianalisis dengan kaedah statistik yang bersesuaian agar dapatan kajian dapat diperihal dengan baik.

### **Responden Kajian**

Golongan belia yang difokuskan dalam kajian ini adalah belia akhir iaitu yang berusia antara 18-25 tahun. Berdasarkan pandangan psikologi barat belia yang berada dalam usia 18-25 tahun dikategorikan sebagai belia akhir atau dewasa muda (Curtis, 2015). Dalam kebanyakan kajian di Malaysia pula, belia dalam usia 18-25 tahun dikategorikan sebagai remaja akhir (Puteh, 2001). Menurut Curtis (2015) pada ketika ini kehidupan belia adalah yang paling mencabar kerana ia merupakan transisi ke alam dewasa dalam kebanyakan negara industri di dunia dan berlakunya psikososial mortarium iaitu di mana belia mengharapkan penundaan dalam kewajipan mereka ke alam dewasa.

Memandangkan kajian yang dijalankan ini hanya kajian rintis, seramai 100 orang responden terlibat dalam kajian yang dilakukan ini. Menurut Cooper dan Schindler (2014) bilangan responden yang bersesuaian dalam satu kajian rintis adalah seramai 25-100 orang yang mana tujuannya adalah untuk pengujian skala yang digunakan. Oleh itu, jumlah 100 orang responden ini sudah memadai bagi memenuhi kriteria ujian psikometrik yang akan dilakukan keatas instrumen yang dipilih memandangkan kajian rintis bukanlah kajian yang dilakukan bagi menguji hipotesis kajian (In, 2017).

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan *Ryff Psychological well-being scale (PWBS)* 18-item yang bertujuan untuk mengenalpasti kesejahteraan psikologi secara keseluruhan (Gao & McLellan, 2018; Ryff, 1989). Dalam konteks kajian di negara Asia terdapat beberapa negara yang telah mengkaji psikometrik instrumen ini dalam kalangan remaja iaitu Hong Kong, China dan Iran (Khanjani et al., 2014; Lee, Sun & Chiang, 2019). Namun yang demikian dalam konteks Malaysia mahupun penilaian psikometrik dalam bahasa Melayu terhadap instrumen ini khususnya dalam kalangan belia masih kurang dilaksanakan (Panahi et al., 2016; Sabri & Yunus, 2021).

Secara ringkas terdapat 18 item dalam soal selidik kesejahteraan psikologi versi pendek ini. Soal selidik ini diukur menggunakan 5 skala likert bermula daripada '1' 'sangat tidak setuju', sehingga nilai '5' mewakili 'sangat setuju'. Terdapat enam subskala dalam soal selidik ini iaitu autonomi, penguasaan persekitaran, hubungan dengan orang lain, tujuan hidup, penerimaan sendiri dan perkembangan sendiri. Subskala autonomi terdiri daripada item 15, 17 dan 18. Contoh item dalam subskala ini ialah "saya yakin dengan pendapat saya sendiri walaupun ia berbeza dengan pendapat orang lain". Subskala penguasaan persekitaran pula terdiri daripada item 4, 8 dan 9. Contoh item dalam subskala ini ialah "tuntutan dalam kehidupan seharian sering membuat saya kecewa".

Seterusnya, subskala perhubungan terdiri daripada item 6, 13 dan 16. Subskala ini menekankan kenyataan berhubung dengan perhubungan dengan orang lain misalnya "mengekalkan hubungan rapat adalah sesuatu yang sukar bagi saya". Subskala tujuan hidup pula terdiri daripada item 3, 7 dan 10. Contoh pernyataan dalam item ini ialah "saya tidak terlalu memikirkan masa depan saya". Subskala penerimaan sendiri pula terdiri daripada item 1, 2 dan 5. Contoh pernyataan dalam subskala ini ialah "saya suka hampir keseluruhan daripada personaliti yang saya miliki". Subskala terakhir ialah perkembangan sendiri yang terdiri daripada item 11, 12, 14. Contoh pernyataan berhubung subskala ini ialah "saya berfikir adalah penting untuk mempunyai pengalaman baru dalam kehidupan". Terdapat beberapa item yang merupakan item negatif dan perlu direkodkan semula sebelum dianalisis iaitu item 2, 4, 5, 8, 9, 10, 11, 14, 15, 16.

## Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian, pengkaji terlebih dahulu memohon surat pengesahan sebagai pelajar penyelidikan daripada institusi pengajian. Surat pengesahan ini dijadikan sebagai rujukan dan bukti kepada responden sekiranya mereka ragu untuk mengisi soal selidik yang diedarkan. Seterusnya, soal selidik diedarkan secara atas talian dan bersemuka kepada belia-belia di kawasan yang telah ditetapkan.

Ketika edaran soal selidik dilakukan secara bersemuka, pengkaji menjelaskan sedikit sebanyak kepada responden berkaitan tujuan kajian dan item soal selidik agar responden lebih memahami kajian yang sedang dijalankan. Namun yang demikian, bagi edaran soal selidik secara atas talian, pengkaji menyertakan nombor telefon dan alamat email untuk dihubungi sekiranya terdapat item yang tidak difahami oleh responden. Memandangkan jumlah item soal selidik agak banyak, pengkaji memberi tempoh masa 15-20 minit untuk responden menjawab soal selidik yang diberikan agar setiap soalan dapat diteliti dan dijawab bersesuaian dengan keadaan mereka.

## ANALISIS DATA

Analisis data dilakukan adalah untuk menganalisis demografi responden, menguji kebolehpercayaan dan menguji kesahan konstruk bagi instrumen ini. Analisis diskriptif melibatkan peratus dan kekerapan dilakukan untuk demografi responden. Analisis kebolehpercayaan ketekalan dalaman dilakukan menggunakan Alpha cronbach bagi ujian kebolehpercayaan. Bagi menguji kesahan konvergen pula, ujian kesahan interkorelasi dilakukan menggunakan ujian korelasi Pearson. Nilai minimum bagi sesuatu item adalah .40, nilai .40 hingga .60 sederhana dan .60 keatas adalah nilai tinggi yang mempunyai korelasi yang baik dalam sesuatu faktor (Streiner,2003).

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Berikut merupakan taburan responden yang terlibat dalam kajian ini yang mana ia terdiri daripada umur, pendapatan isi rumah, jantina, status pekerjaan dan kawasan tempat tinggal.

Jadual 1: Demografi Responden

Pembolehubah	Kekerapan (n=100)	Peratus
<b>Umur</b>		
18 tahun	19	19 %
19 tahun	5	5%
20 tahun	8	8%
21 tahun	12	12%
22 tahun	23	23%
23 tahun	13	13%
24 tahun	11	11%
25 tahun	9	9%
<b>Pendapatan</b>		
Kurang daripada RM2500	26	26%
RM2500-RM3170	16	16%
RM3171-RM3970	36	36%
RM3971-RM4850	22	22%
<b>Jantina</b>		
Perempuan	44	44%
Lelaki	56	56%
<b>Status Pekerjaan</b>		
Pelajar	71	71%
Berkerja	21	21%
Tidak berkerja	8	8%

Berdasarkan jadual 1 diatas, analisis diskriptif menunjukkan jumlah responden adalah hampir sama daripada setiap umur. Responden paling ramai adalah daripada kalangan umur 22 tahun iaitu sebanyak 23 peratus, diikuti dengan responden 18 tahun iaitu 19 peratus dan 24 tahun sebanyak 12 peratus. Responden paling sedikit adalah dari umur 19 tahun iaitu hanya 5% sahaja.

Dari sudut pendapatan, majoriti isi rumah mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM3171 sehingga RM3979 iaitu sebanyak 36%. Pendapatan responden B40 yang paling sedikit berada dalam kategori RM 2500-RM3170 iaitu sebanyak 16 %. Bagi jantina majoriti responden adalah perempuan

iaitu sebanyak 56% dan lelaki sebanyak 44%. Seterusnya, seramai 71% responden adalah belia yang terdiri daripada pelajar, 21% belia yang telah berkerja dan 8% adalah belia yang tidak mempunyai pekerjaan

### Ujian Kebolehpercayaan

Nilai alpha cronbach diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu .90 hingga 1.00 sangat tinggi, .70 hingga .89 tinggi, .30 hingga .69 sederhana dan .00 hingga .29 adalah rendah (Babbie, 1992). Analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai alpha bagi 18 item soal selidik kesejahteraan psikologi dalam kajian rintis ini adalah sebanyak .70. Nilai ini menunjukkan kebolehpercayaan soal selidik yang tinggi dan boleh diterima.

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan Kesejahteraan Psikologi

Item	Cronbach alpha	Bilangan soalan (n)
Kesejahteraan Psikologi	.70	18

### Ujian Kesahan Instrumen

Bagi menguji kesahan item kesejahteraan psikologi, pengkaji melakukan analisis ujian kesahan item dengan cara menguji inter-korelasi semua dimensi dalam soal selidik kesejahteraan psikologi serta keseluruhan soal selidik ini. Hasil analisis menunjukkan kesahan bagi keseluruhan item dengan semua subskala adalah tinggi dan signifikan. Namun yang demikian, jika dilihat dalam analisis interkorelasi antara subskala terdapat beberapa item yang tidak mempunyai interkorelasi signifikan antara satu sama lain.

Antaranya ialah interkorelasi dimensi hubungan dengan autonomi (0.155), hubungan dengan penguasaan (0.086), tujuan dengan penguasaan (0.051) serta penerimaan sendiri dan tujuan hidup (0.028). Jadual dibawah menunjukkan hasil analisis interkorelasi antara item dalam soal selidik ini.

Jadual 3: kesahan Inter-korelasi Antara Dimensi dan Keseluruhan Item Kesejahteraan Psikologi

Item/Dimensi	Autonomi	Penguasaan	Perkembangan sendiri	Hubungan	Tujuan	Penerimaan sendiri	Keseluruhan item
Autonomi	1	.468**	.280*	.155	.353**	.340**	.649**
Penguasaan		1	.406*	.086	.051	.538**	.646**
Perkembangan			1	.190**	.268**	.451**	.724**
Hubungan				1	.218*	.231*	.326**
Tujuan					1	.028	.407**
Penerimaan Kendiri						1	.748**
Keseluruhan item							1

### PERBINCANGAN

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai psikometrik soal selidik kesejahteraan psikologi Ryff 18 item versi bahasa Malaysia dalam kalangan belia. Perbincangan psikometrik adalah berfokus kepada ujian kebolehpercayaan dan kesahan interkorelasi antara item dalam soal selidik berikut.

#### Kebolehpercayaan Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff

Nilai alpha cronbach diklasifikasikan kepada beberapa kategori iaitu .90 hingga 1.00 sangat tinggi, .70 hingga .89 tinggi, .30 hingga .69 sederhana dan .00 hingga .29 adalah rendah (Babbie, 1992). Bagi ujian kebolehpercayaan secara keseluruhan skala ini mempunyai nilai cronbach alpha ditahap yang tinggi. Nilai kebolehpercayaan kajian ini selari dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian Khanjani et al., (2014) iaitu dengan nilai cronbach alpha 0.71. Menurut pengkaji dalam kajian ini pelajar mempunyai konsistensi dalam menjawab soal selidik ini kerana konsep kesejahteraan psikologi yang dibentuk oleh Ryff mudah difahami dan bersesuaian untuk diaplikasikan dalam peringkat umur mereka.

### **Kesahan Skala Kesejahteraan Psikologi Ryff**

Kesahan interkorelasi antara keseluruhan soal selidik kesejahteraan psikologi Ryff dengan subskala lain adalah tinggi. Namun yang demikian, terdapat beberapa subskala yang tidak mempunyai interkorelasi signifikan iaitu dimensi hubungan dengan autonomi, hubungan dengan penguasaan, tujuan dengan penguasaan serta penerimaan sendiri dan tujuan hidup. Dapat dilihat disini bahawa subskala hubungan dan tujuan hidup yang kurang mempunyai interkorelasi dengan subskala lain. Faktor utama menjurus kepada perkara ini adalah kerana kesejahteraan psikologi individu dipengaruhi oleh pengalaman dan interpretasi individu terhadap konsep kesejahteraan psikologi (Cheng & Chan, 2005; Shariff & Wan Sulaiman, 2018). Ini menyebabkan individu mempunyai fahaman yang berbeza terhadap item-item yang terdapat dalam konstruk kesejahteraan psikologi.

Disamping itu, interkorelasi tidak signifikan terbentuk antara hubungan dengan subskala yang autonomi dan penguasaan pula berikutan dua subskala ini agak berbeza antara satu sama lain. Jika difahami, autonomi dan penguasaan merupakan aspek kesejahteraan psikologi yang berfokus pada diri individu manakala hubungan pula lebih menjurus kepada kesejahteraan psikologi yang terbentuk dengan adanya interaksi dengan orang lain. Malahan dalam kajian Lee, Sun dan Chiang (2019) juga menunjukkan penguasaan persekitaran mempunyai interkorelasi yang tinggi dengan penerimaan sendiri tetapi tidak dengan hubungan dengan orang lain. Oleh itu, tidak mustahil subskala hubungan ini mempunyai kesahan konstruk yang tidak signifikan dengan yang lain.

Bagi aspek tujuan hidup pula, kajian ini agak berbeza daripada kajian lepas yang menunjukkan kesahan konstruk yang tinggi antara tujuan hidup dengan perkembangan sendiri dan penerimaan sendiri (Chan, Chan & Sun 2019). Salah satu sebab yang menjurus kepada perkara ini adalah perbezaan sosiodemografi kajian. Walaupun kajian lepas dilakukan dalam kalangan belia namun kajian berikut dilakukan dalam konteks negara yang mempunyai ekonomi yang maju. Cheng dan Chan (2005) berpendapat penentuan faktor dalam skala kesejahteraan psikologi amat bergantung kepada ciri-ciri demografi sampel kajian.

Bukan itu sahaja, memandangkan kajian ini dilakukan dalam kalangan belia miskin, aspek tujuan hidup mungkin kurang dititikberatkan bagi mereka berbanding aspek lain. Misalnya dalam kajian Nen *et al.*, (2021) menunjukkan remaja miskin dalam kajian mempunyai komitmen yang rendah dalam pendidikan dan menunjukkan kesejahteraan psikologi yang rendah dalam aspek tujuan hidup mereka.

Ringkasnya, walaupun terdapat sedikit limitasi kesahan konvergen yang disebabkan oleh perbezaan interpretasi individu dalam beberapa subskala kesejahteraan psikologi Ryff 18 item ini, pengkaji lepas berpendapat skala ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik sebagai indikator kepada kesejahteraan psikologi secara keseluruhan dalam kalangan remaja akhir (Seifert, 2005).

### **KESIMPULAN**

Secara ringkasnya kajian rintis ini dilaksanakan untuk mengkaji kebolehpercayaan dan kesahan konstruk instrumen *Ryff psychological well-being scale* (PWBS) versi 18-item dalam konteks kajian belia di Malaysia. Konsep kesejahteraan psikologi daripada Ryff ini sememangnya sering menjadi pilihan pengkaji dalam mengenalpasti kesejahteraan psikologi pelbagai peringkat usia kerana ia mudah untuk difahami dan diadaptasi. Namun yang demikian, penilaian psikometrik terhadap instrumen kesejahteraan psikologi Ryff ini masih kurang diteliti dan dapatan kajian lepas juga seringkali tidak konsisten dalam menerangkan tentang kebolehpercayaan serta kesahan soal selidik ini. Oleh yang demikian, kajian ini menjadi salah satu kajian yang akan menyumbang kepada pengetahuan berhubung psikometrik *psychological well-being scale* (PWBS) agar dapat dijadikan rujukan pada pengkaji akan datang khususnya di Malaysia.

Kajian ini mendapati kebolehpercayaan skala kesejahteraan psikologi Ryff secara keseluruhan berada pada tahap yang tinggi. Konsistensi dalam menjawab soal selidik ini kerana konsep kesejahteraan psikologi yang dibentuk oleh Ryff mudah difahami dan bersesuaian untuk diaplikasikan dalam peringkat umur mereka. Seterusnya, kesahan konstruk setiap subskala dilihat mempunyai interkorelasi

yang signifikan antara satu sama lain. Namun yang demikian, subskala hubungan dan tujuan hidup dilihat mempunyai interkorelasi yang kurang stabil dengan beberapa subskala yang lain.

Faktor utama menjurus kepada perkara ini adalah kerana kesejahteraan psikologi individu dipengaruhi oleh pengalaman dan interpretasi individu terhadap konsep kesejahteraan psikologi (Cheng & Chan, 2005; Shariff & Wan Sulaiman, 2018). Perkara ini menyebabkan individu mempunyai fahaman yang berbeza terhadap item-item yang terdapat dalam konstruk kesejahteraan psikologi. Walaupun terdapat sedikit limitasi dalam subskala ini pengkaji lepas berpendapat skala ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik sebagai indikator kepada kesejahteraan psikologi secara keseluruhan dalam kalangan remaja akhir (Seifert, 2005).

Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada pengkaji akan datang tentang ciri psikometrik kesejahteraan psikologi belia dalam konteks Malaysia. Kajian pengujian psikometrik berhubung instrumen kesejahteraan psikologi Ryff (SPWB) perlu diperluaskan lagi dalam pelbagai latar belakang sosiodemografi bagi menilai kesesuaiannya untuk digunakan di Malaysia.

### **Kenyataan Persetujuan Termaklum**

Saya bagi pihak penulis bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

### **Konflik Kepentingan**

Penulis telah memastikan tiada sebarang potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

### **Keyataan Etika**

Saya mewakili pihak penulis lain memaklumkan bahawa penulisan artikel ini adalah memenuhi kaedah penulisan ilmiah yang digariskan dengan menulis semua sumber rujukan yang digunakan sepanjang kajian.

### **Sumbangan Pengarang**

Semua penulis yang terlibat dalam pengumpulan data, analisis data dan penulisan artikel.

### **Dana/Pembiayaan**

Penulis tidak menerima sebarang sokongan kewangan dalam penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel.

### **Pengakuan**

Penulisan artikel ini tidak akan dapat dipenuhi tanpa penyertaan semua belia yang terlibat dalam kajian. Kerjasama daripada mereka amatlah dihargai dan diakui oleh penulis.

### **Kenyataan Ketersediaan Data**

Saya mewakili penulis ingin menyatakan bahawa semua data adalah hak milik pengkaji.

### **Rujukan**

- Amalia, S. (2016). Analisa psikometrik alat ukur Ryff's Psychological Well-Being (RPWB) versi bahasa Indonesia: Studi pada lansia guna mengukur kesejahteraan dan kebahagiaan. In *Seminar Asean 2nd Psychology & Humanity*, 430-437. <https://pustaka.unpad.ac.id/wp-content/uploads/2015/07/Analisa-Psikometrik-Alat-Ukur-RyffS-Psychological-Well-being.pdf>
- Babbie, E.R. (1992). *The practice of social research*. Wadsworth Thomson Learning.
- Chan, D. W., Chan, L.-K., & Sun, X. (2019). Developing a brief version of Ryff's scale to assess the psychological well-being of adolescents in Hong Kong. *European Journal of Psychological Assessment*, 35(3), 414–422. <https://doi.org/10.1027/1015-5759/a000403>
- Cheng, S.T., & Chan, A.C.M. (2005). Measuring psychological well-being in the Chinese. *Personality and Individual Difference*, 38(6), 1307-1316.



- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (2<sup>nd</sup> ed)*. Pearson Education International.
- Cooper, D.R & Schindler, P.S. (2014). *Business research methods (12<sup>th</sup> ed)*. McGraw-Hill/Irwin.
- Curtis, A.C. (2015). Defining Adolescence. *Journal Of Adolescents and Family Health*, 7(2), 1-38.  
<https://scholar.utc.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1035&context=jafh>
- Fernandes, H. M., Vasconcelos, -R. J., & Teixeira, C. M. (2010). Preliminary analysis of the psychometric properties of Ryff's scales of psychological well-being in Portuguese adolescents. *The Spanish journal of psychology*, 13(2), 1032–1043.  
<https://doi.org/10.1017/s1138741600002675>
- Gao, J., & Mclellan, R. (2018). Using Ryff's scales of psychological well-being in adolescent's mainland China. *BMC Psychology*, 6(17), 1-8. <https://doi.org/10.1186/s40359-018-0231-6>
- Ibrahim, N., Mohd Safien, A., Siau, C. S., & Shahar, S. (2020). The Effectiveness of a Depression Literacy Program on Stigma and Mental Help-Seeking Among Adolescents in Malaysia: A Control Group Study With 3-Month Follow-Up. *Inquiry: a journal of medical care organization, provision and financing*, 57,1-10. <https://doi.org/10.1177/0046958020902332>.
- In J. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean journal of anesthesiology*, 70(6), 601–605. <https://doi.org/10.4097/kjae.2017.70.6.601>
- Irfan, M., Shahudin, F., Hooper, V. J., Akram, W., & Abdul Ghani, R. B. (2021). The Psychological Impact of Coronavirus on University Students and its Socio-economic determinants in Malaysia. *The journal of healthcare organization, provision and financing*, 58,1-7. <https://doi.org/10.1177/00469580211056217>
- Kafka, G.J & Kozma, A. (2002). The Construct Validity of Ryff's Scales of Psychological Well-Being (SPWB) and their Relationship to Measures of Subjective Well-Being. *Social Indicators Research*, 57,171–190. <https://doi.org/10.1023/A:1014451725204>
- Keyes, C. L., Shmotkin, D., & Ryff, C. D. (2002). Optimizing well-being: The empirical encounter of two traditions. *Journal of Personality and Social Psychology*, 82(6), 1007–1022. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.82.6.1007>
- Khanjani, M., Shahidi, S., Fathabadi, J., Mazaheri, M. A., & Shokri, O. (2014). Factor structure and psychometric properties of the Ryff's scale of psychological well-being, short form (18-item) among male and female students. *Thoughts and Behavior in Clinical Psychology*, 9(32), 27-36. [https://jtbcp.roudehen.iau.ir/article\\_67.html](https://jtbcp.roudehen.iau.ir/article_67.html)
- Lee,T.S., Sun,H.F., & Chiang,H.H. (2019). Development and validation of the short form Ryff's psychological well-being scale for clinical nurses in Taiwan. *J Med Sci*, 39(4),157-162.[http://dx.doi.org/10.4103/jmedsci.jmedsci\\_191\\_18](http://dx.doi.org/10.4103/jmedsci.jmedsci_191_18)
- Li, R.-H. (2014). Reliability and validity of a shorter Chinese version for Ryff's psychological well-being scale. *Health Education Journal*, 73(4), 446–452. <https://doi.org/10.1177/0017896913485743>
- Marina, I. M., & Jamil, A. (2013). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Kompetensi Persijilan Modular (PKPM). Paper presented at the Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013.[https://www.researchgate.net/publication/283620846\\_ICSSR\\_2013\\_e-ISBN\\_978-967-11768-1-8](https://www.researchgate.net/publication/283620846_ICSSR_2013_e-ISBN_978-967-11768-1-8)
- Mclellan, R., Galton, M., Steward, S., & Page, C. (2012). The Impact of Creative Partnerships on the Wellbeing of Children and Young People. Newcastle: CCE. <https://www.creativitycultureeducation.org/publication/the-impact-of-creative-partnerships-on-the-wellbeing-of-children-and-young-people/>
- Nen, S., Ibrahim, F., Selamat, M. N., Subhi, N., Sarnon, N., Ahsari, A. H., Abdul Rahman, Z., & Sanusi,S.N (2021). School Engagement Among Adolescents from Low Income Family in Kuala Lumpur. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 936–945. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i6/10224>
- Panahi,S., Yunus, A.S., Roslan,S., & Abdul Kadir.R (2016). Predictors of Psychological Well-being among Malaysian Graduates. *The European Journal of Social Behavioral & Science*, 16(2), 2068-2083. <http://dx.doi.org/10.15405/ejsbs.186>

- Puteh, A. (2001). Perkembangan dan pembentukan remaja menurut Islam. *Kajian Malaysia*, 19(2), 79-101. <http://web.usm.my/km/KM%20XIX,22001/PERKEMBANGAN%20DAN%20PEMBENTUKAN%20REMAJA%20MENURUT%20PERSPEKTIF%20ISLAM>.
- Ryff, C. D. (1989). Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 57(6), 1069-1081. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.57.6.1069>
- Sabri, F., & Yunus, A. (2021). Psychological Well-Being of Muslim Online Gamers in Malaysia: Are They Mentally Well Enough?. *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 4(2), 181-193. <https://doi.org/10.25217/igcj.v4i2.1629>
- Sanu, M. E. & Rathakrishnan, B. (2018). Pengaruh strategi daya tindak terhadap kesejahteraan psikologi pelajar miskin luar bandar Sabah. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 19, 1-18. <https://iyres.gov.my/images/MJYS/2018/MJYS%20Vol%2019%20Dec%202018-5-21.pdf>
- Sanu, M.E & Rathakrishnan, B. (2019). Strategi daya tindak sebagai mediator dalam hubungan kecerdasan emosi dan kesejahteraan psikologi pelajar miskin di luar bandar Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 14,9-15. [https://www.akademiabaru.com/doc/ARSBSV14\\_N1\\_P9\\_15.pdf](https://www.akademiabaru.com/doc/ARSBSV14_N1_P9_15.pdf)
- Seifert, T. (2005). The Ryff Scale of psychological well-being. Center of Inquiry. Retrieved <https://centerofinquiry.org/uncategorized/ryff-scales-of-psychological-well-being>
- Shariff, M.I.A & Wan Sulaiman, W.F. (2018). Penerokaan ciri-ciri psikometrik dalam kalangan sampel Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 1-11. ISSN-2289-8174.
- Streiner, D. L. (2003). Starting at the Beginning: An Introduction to Coefficient Alpha and Internal Consistency. *Journal of Personality Assessment*, 80(1), 99-103. [https://doi.org/10.1207/s15327752jpa8001\\_18](https://doi.org/10.1207/s15327752jpa8001_18)
- Tee, E. Y. J., Shah, R. I. A. B.R. R., Ramis, T., & Jia, -Q. L. C. (2022). Bent, But Not Broken: Locus of Hope and Well-Being Among Malaysians Facing Economic Challenges Amidst the COVID-19 Pandemic. *Psychological Studies*, 67, 304-316. <https://doi.org/10.1007/s12646-022-00653-y>
- Van Dierendonck, D., Díaz, D., Rodríguez, -C.R., Blanco, A., & Moreno, -J.B. (2007). Ryff's Six-factor Model of Psychological Well-being, A Spanish Exploration. *Soc Indic Res*, 87(3), 473-479. <https://doi.org/10.1007/s11205-007-9174-7>
- Zailani, D. H., Sultan Ibrahim, S. A., & Wahab, R. (2022). Psychological distress among the B40 population in Selangor. *Healthscope*: 5(1),32-36. <http://healthscopefsk.com/index.php/research/article/view/291>